

27 APR 1999

Affifuddin-Gaji

TUNTUTAN SELARAS GAJI SELESAI JUN INI

KUALA TERENGGANU, 27 April (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan akan berusaha untuk menyelesaikan isu tuntutan penyelarasan gaji meliputi 10,050 kakitangan lima badan berkanun sebelum Jun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Affifuddin Omar berkata wakil-wakil agensi berkenaan telah dipanggil oleh kementerian itu untuk berbincang mengenai perkara itu.

Lima badan berkanun terbabit ialah Tabung Haji, Bank Simpanan Nasional (BSN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

"Kerajaan masih menjalankan kajian berhubung tuntutan kakitangan terbabit. Kita harap mereka bersabar kerana kerajaan memberi jaminan ia akan diselesaikan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Peranan Rundingan Damai Dalam Penyelesaian Pertikaian di sini hari ini.

Seminar itu dianjurkan Pasukan Penasihat Pelbagai Disiplin Asia Timur (EASMAT) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Ia dihadiri 35 peserta dari seluruh negara.

Pada 24 Dis 1997, kakitangan kelima-lima badan berkanun itu telah menghantar surat rayuan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mendakwa mereka mendapat bayaran gaji yang lebih rendah berbanding kakitangan di sektor awam lain.

Affifuddin juga berkata usaha sedang dipertingkatkan oleh pihak-pihak berkenaan bagi mendapatkan pengiktirafan ISO 9000 bagi semua perkhidmatan awam dan swasta negara ini menjelang tahun depan.

"Berdasarkan pencapaian negara, perkhidmatan itu telah menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding sebelum ini, dan ini bukan sahaja perlu dipertahankan tetapi mesti dipertingkatkan lagi," katanya.

Katanya kebanyakan sektor di negara ini seperti perhotelan dan penerbangan sudah layak mendapat pengiktirafan tersebut, kerana menyediakan perkhidmatan yang jauh lebih baik berbanding dengan di negara-negara lain di rantau ini.

Tahap rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan kakitangan awam dan swasta juga lebih rendah, dan ini menjadi ciri penting bahawa Malaysia mampu mencapai matlamat untuk mendapatkan pengiktirafan itu tahun depan.

Affifuddin juga menolak tanggapan sesetengah pihak bahawa mutu perkhidmatan di negara ini masih pada tahap lama.

"Memang kalau kita lihat dalaman, nampak macam tak ada peningkatan tetapi jika kita bandingkan dengan perkhidmatan di negara-negara lain, Malaysia jauh lebih baik sekarang," kata beliau.

Kerajaan juga telah mewujudkan mekanisme baru bagi mengatasi apa-apa kelemahan dalam perkhidmatan awam seperti pengurusan hartanah, supaya dapat terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

AYB NMO